

PM kecewa pakej RM3b tidak diguna sepenuhnya

UM 28 AUG 1991

PETALING JAYA 27 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kekecewaannya apabila pakej ransangan fiskal tambahan sebanyak RM3 bilion tidak digunakan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata: "Sehingga kini kita hanya berbelanja RM200 juta daripada RM3 bilion yang diperuntukkan."

Beliau berkata demikian pada sesi dialog bersama Perdana Menteri di persidangan kebangsaan mengenai Dasar Wawasan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan Penswastaaan di sini hari ini.

Beliau berkata tidak guna jika kerajaan menyuntik wang yang banyak di dalam pasaran jika ia tidak digunakan.

"Ini tidak akan berjaya dan setiap orang mestilah menyumbang usahanya dan menyelesaikan masalah," katanya.

Mengenai langkah-langkah yang akan diambil berikutan kelembapan ekonomi AS yang berpanjangan, katanya negara akan terpaksa merangsang jualan runcitan untuk meningkatkan permintaan pengguna.

"Kita perlu berbelanja, kita perlu ada permintaan pengguna sebab itu adalah baik untuk ekonomi," kata beliau pada sesi dialog itu.

Kakitangan

Sebab itu, katanya, kerajaan telah memberi bonus kepada kakitangan awam sebanyak RM600 yang diberikan secara bulanan sebanyak RM100 untuk menjana perbelanjaan yang seterusnya menggerakkan ekonomi negara.

Perdana Menteri menjangkakan lebih banyak usaha akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri pada Mac lalu mengumumkan pakej rangsangan fiskal bernilai RM3 bilion bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat ke atas ekonomi Malaysia.

Pakej itu bertujuan supaya rakyat berbelanja dan seterusnya menggerakkan ekonomi negara.

Bagi usaha menembusi pasaran baru, Dr. Mahathir menyelar pihak-pihak tertentu yang menggunakan negara lain sebagai perantaraan bagi usaha-usaha eksport mereka.

"Kita ini agak malas," katanya merujuk mengenai pasaran baru di luar negara yang ingin mendapatkan produk-produk Malaysia.

Sikap malas seumpama itu perlu dibuang dengan segera, tegasnya.

Beliau juga menggesa para peniaga mengetepikan negara ketiga yang bertindak sebagai orang tengah dan sebaliknya melaksanakan pendekatan pasaran yang agresif untuk mewujudkan perhubungan terus.

Sebagai contoh, di dalam lawatannya ke Yaman dan Uganda baru-baru ini, Dr. Mahathir mendapati bahawa pasaran-pasaran di sana telah dieksploitasi sepenuhnya dan peniaga-peniaga di negara-negara berkenaan telah menunjukkan minat yang besar terhadap produk keluaran Malaysia.

Beliau merasakan usaha-usaha perlu dibuat untuk mengadakan urusan secara terus dengan bakal-bakal pelanggan di pasaran luar negara yang berpotensi.

Ini kerana, banyak antaranya telah menyatakan kesukaran dalam memperoleh barangan Malaysia secara terus kerana mereka terpaksa melalui orang tengah atau negara ketiga.